

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Prasejarah?
- A Zaman manusia mengetahui dan mengenal tulisan
 - B Zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal tulisan
 - C Zaman selepas manusia mengetahui dan mengenal tulisan
 - D Zaman semasa dan selepas manusia mengetahui dan mengenal tulisan

- 2 Antara berikut, yang manakah merupakan Zaman Batu.
- A Zaman Miosen
 - B Zaman Holosen
 - C Zaman Mesolitik
 - D Zaman Pleistosen

- 3 Maklumat di bawah berkaitan dengan Zaman Prasejarah.

Manusia menggunakan peralatan yang diperbuat daripada tulang binatang dalam aktiviti harian mereka.

Apakah Zaman Prasejarah yang dimaksudkan?

- A Zaman Logam
 - B Zaman Neolitik
 - C Zaman Mesolitik
 - D Zaman Paleolitik
- 4 Apakah aktiviti manusia pada Zaman Mesolitik?
- I Bercucuk tanam
 - II Menangkap ikan
 - III Memburu binatang
 - IV Menternak binatang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Mengapakah manusia pada Zaman Paleolitik dikatakan sangat mencabar?
- A Manusia terpaksa hidup berpindah randah
 - B Manusia menggunakan teknologi yang serba ringkas
 - C Manusia perlu berdikari dan mencari makanan sendiri
 - D Manusia perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi
- 6 Apakah Zaman Prasejarah yang berlaku perkembangan teknologi?
- A Zaman Logam
 - B Zaman Neolitik
 - C Zaman Mesolitik
 - D Zaman Paleolitik
- 7 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan Zaman Logam?
- I Penggunaan teknologi gangsa dan besi
 - II Manusia sudah melakukan aktiviti pelayaran
 - III Penggunaan teknologi yang serba ringkas
 - IV Mula menangkap ikan sebagai sumber makanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Maklumat di bawah merujuk kepada lokasi Zaman Prasejarah di dunia.

Terletak di Perancis yang diduduki oleh manusia silih berganti antara 30 000 SM hingga 27 000 SM.

Apakah lokasi tersebut?

- A Altamira
- B Stonehenge
- C Catal Huyuk
- D Gua Chauvet

- 9 Rajah menunjukkan tapak prasejarah.



Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan rajah di atas.

- I Terletak di Britain
 - II Dibina antara 3700 hingga 1600 SM
 - III Terletak di India
 - IV Dikaitkan dengan kehidupan manusia selepas mati
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10 Antara berikut, yang manakah berkaitan bukti Zaman Prasejarah di Altamira, Sepanyol?
- A Penemuan lukisan di dalam gua
 - B Penemuan artifak di dalam gua
 - C Penemuan rangka di dalam gua
 - D Penemuan tulang mawas di dalam gua
- 11 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan Sa Hyun, Vietnam?
- I Berusia 1000 SM hingga 200 M
 - II Tapak Zaman Neolitik dan Zaman Logam
 - III Aktiviti pertanian merupakan aktiviti utama
 - IV Tapak Zaman Besi yang paling menonjol di Asia Tenggara
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12 Maklumat di bawah menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara.

- Lokasi ini merupakan tapak Zaman Prasejarah yang penting di Filipina
- Dianggarkan berusia 47 000 SM
- Tinggalan rangka manusia berusia antara 22 000 hingga 24 000 tahun yang lalu

Lokasi tersebut adalah

- A** Sa Hyun.
- B** Gua Tabon.
- C** Ban Chiang.
- D** Gua Padah-lin.

13 Apakah tempat kediaman manusia pada Zaman Paleolitik?

- I Di dalam gua
 - II Di kawasan lembah sungai
 - III Di persisiran pantai
 - IV Di dalam lubang bawah tanah
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

14 Apakah kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh manusia Zaman Mesolitik?

- I Perdagangan
 - II Memburu binatang
 - III Mengutip hasil hutan
 - IV Membuat tembikar
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

- 15 Apakah zaman yang mempunyai sistem pentadbiran?
- A Zaman Logam
 - B Zaman Neolitik
 - C Zaman Mesolitik
 - D Zaman Paleolitik
- 16 Antara berikut, yang manakah kepercayaan manusia Zaman Neolitik?
- I Mengamalkan animisme
 - II Kepercayaan kehidupan selepas mati
 - III Penyembahan manusia terhadap kuasa alam
 - IV Mempercayai kuasa binatang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Maklumat di bawah berkaitan kesenian dan kebudayaan Zaman Prasejarah.

- Mementingkan nilai estetika
- Contohnya gendang gangsa yang mempunyai pola hiasan yang menarik

Apakah Zaman Prasejarah tersebut?

- A Zaman Logam
- B Zaman Neolitik
- C Zaman Mesolitik
- D Zaman Paleolitik

- 18 Antara berikut, yang manakah perbezaan memburu binatang pada Zaman Prasejarah dengan masa ini?

	Zaman Prasejarah	Zaman ini
I	Memburu menggunakan alat yang diperbuat daripada batu	Memburu menggunakan peralatan yang canggih seperti senapang
II	Memburu untuk mendapatkan bekalan makanan	Memburu sebagai mengisi masa lapang
III	Memburu untuk mendapatkan barangan untuk dijual	Memburu sebagai cara mempertahankan diri
IV	Perlu mendapatkan kebenaran daripada ketua kampung untuk memburu	Perlu mendapatkan lesen untuk memburu

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 19 Apakah jenis pengebumian yang ditemui di Gua Cha, Kelantan?
A Pengebumian perahu
B Pengebumian melentur
C Pengebumian memanjang
D Pengebumian keranda kayu
- 20 Apakah persamaan kegiatan ekonomi Zaman Paleolitik dengan Zaman Mesolitik?
A Perkongsian makanan
B Menjalankan aktiviti penternakan binatang
C Menghasilkan makanan melalui kegiatan pertanian
D Menjalankan aktiviti perdagangan barangan tembikar